

**Ibu Kota Kembali Pulih Selepas Perhimpunan Haram
Bernama
Julai 10, 2011**

KUALA LUMPUR: Beberapa lokasi di ibu kota pada Ahad kembali "hidup" dengan kebanjiran warga kota membeli-belah terutama di sekitar Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR).

Tinjaun Bernama pada Ahad mendapati kawasan di sekitar kompleks beli-belah Sogo dipenuhi orang ramai yang kebanyakannya datang bersama keluarga sempena cuti hujung minggu.

Pada Sabtu sekitar kawasan itu lengang kerana hampir semua premis ditutup akibat perhimpunan haram oleh sebuah pertubuhan yang tidak berdaftar.

Seorang pengunjung dari Kota Kinabalu, Sabah Saini Kussu, 62, dan isteri Rahmah Manjicik, 60, yang tiba di ibu negara sejak dua hari lepas, meluangkan masa membeli-belah sebelum berlepas pulang malam ini.

Saini bersyukur keadaan ibu kota kembali tenteram selepas perhimpunan itu tamat pada petang Sabtu, dan beliau lega kerana dapat membeli-belah dengan selesa.

"Saya tahu semalam (Sabtu) ada perhimpunan, jadi saya tangguhkan dulu niat untuk datang melihat kawasan Jalan TAR ini... Syukur hari ini semuanya sudah kembali seperti biasa.

"Keadaan dah kembali pulih dan tidak bimbang kalau orang ramai atau pelancong hendak bersiar-siar di kawasan ini," katanya.

Sharifah Azizam, 50, dari Terengganu pula membatalkan hasrat ke Jalan TAR pada Sabtu selepas polis mengarahkan agar orang ramai tidak masuk ke ibu kota.

"Yang buat perhimpunan itu menyusahkan orang sahaja dan polis terpaksa menutup serta menyekat jalan masuk ke dalam kawasan bandar terutamanya untuk menjaga keselamatan orang awam.

"Hari ini (Ahad) baru dapat datang dan bersiar-siar tengok pakaian dan barang-barang serta melihat gelagat orang ramai," katanya.

Bagi golongan peniaga pula, kebanyakannya rugi dan ada yang kehilangan hampir RM4,000 kerana terpaksa menutup kedai lebih awal daripada biasa. Wilson Chye, 28, berkata sepatutnya Sabtu dan Ahad merupakan hari peniaga di kawasan itu menikmati keuntungan namun kerana perhimpunan haram itu, beliau rugi.

"Sepatutnya hari minggulah untuk kita untung... Tapi semalam (Sabtu) memang kedai saya rugi besar sampai RM4,000 kerana orang ramai tidak berani datang ke sini.

"Hari inipun (Ahad) orang ramai masih ragu-ragu dengan keselamatan mereka, tetapi pengunjung pada tahap biasa walaupun tidak semeriah seperti selalu," katanya.

Sementara itu, S.Vinotharna, 32, pekerja sebuah pawagam berhampiran berkata premis tersebut terpaksa ditutup enam jam lebih awal daripada kebiasaan kerana bimbang keadaan menjadi tegang dan tidak terkawal.

Tinjauan Bernama di sekitar Dataran Merdeka pula mendapati keadaan sudah kembali seperti biasa.

Perhimpunan haram pada Sabtu disertai kira-kira 6,000 orang di beberapa lokasi termasuk Jalan TAR, Dataran Merdeka dan Puduraya sebelum disurui polis kira-kira 5 petang. **-BERNAMA**

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/10/mstar_berita/20110710172005&sec=mstar_berita